



SIARAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK PENGOPERASIAN DAN PENGURUSAN TANAH RIZAB PAYA INDAH WETLANDS (PIW)

Majlis Menandatangani Perjanjian Operasi dan Pengurusan Tanah Rizab Paya Indah Wetlands (PIW) diadakan hari ini, 3 Oktober 2024 di Putrajaya. Perjanjian secara tiga pihak (*tripartite*) ini melibatkan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mewakili Kerajaan Persekutuan; Kerajaan Negeri Selangor; dan Gamuda Land (Discovery Wetlands Sdn Bhd - DWSB).

Perjanjian ini ditandatangani oleh Ketua Setiausaha NRES bagi mewakili Kerajaan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mewakili Kerajaan Negeri Selangor dan Pengarah Eksekutif, Gamuda Land serta disaksikan oleh YB Menteri NRES dan YAB Menteri Besar Selangor.

Melalui perjanjian yang akan berkuatkuasa sehingga 31 Julai 2037, pihak DWSB akan mengambil alih aspek operasi dan pengurusan PIW, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia memfokus kepada program konservasi hidupan liar, manakala Kerajaan Negeri Selangor kekal sebagai pemilik tanah PIW.

Satu Jawatankuasa Kerja Bersama yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan dan pematuhan kerjasama strategik ini. Manakala perkara yang melibatkan keputusan dasar akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Tanah Rizab Paya Indah Wetlands yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha NRES.

PIW mempunyai ekosistem tanah lembap yang terdiri daripada tasik air tawar dan hutan paya gambut. Berkeluasan 450.76 hektar, PIW telah diwartakan sebagai tapak perlindungan tanah lembap di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara pada 17 Februari 1998 oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Kedudukannya yang strategik dengan dikelilingi oleh bandar Dengkil, Cyberjaya dan Putrajaya menjadikannya destinasi utama ekopelancongan. Kaya dengan pelbagai kekayaan khazanah biodiversiti, antaranya 235 spesies burung termasuk spesies burung hijrah air, 63 spesies mamalia dan 20 spesies reptilia, 10 spesies amfibia, 14 spesies ikan serta hampir 220 jenis tumbuhan dan herba. Antara tarikan utama termasuk badak air, buaya, merak, kuda, landak, arnab dan kura-kura.

Kerjasama strategik ini adalah selari dengan Tindakan 7.1, Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan 2022-2030 dari aspek menggalakkan pembangunan pelancongan yang menyokong pemuliharaan biodiversiti dengan mudah cara pelaburan dan konsesi ke arah pembangunan ekopelancongan yang bertanggungjawab dan lestari.

Ia turut melonjakkan Malaysia sebagai negara *megadiverse* dengan kekayaan ekosistem tanah lembap meliputi keluasan melebihi 5.19 juta hektar. Tanah lembap bukan sahaja diakui mempunyai nilai ekonomi dalam bentuk hasil hutan, laut dan ekopelancongan, malah juga menyediakan perkhidmatan ekosistem seperti perlindungan daripada angin kencang dan gelombang besar, kawasan tadahan air, kawalan banjir dan penyimpanan karbon.

Usahasama ini adalah satu model kerjasama strategik di antara pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta dalam memajukan sektor ekopelancongan di samping memelihara dan memulihara kekayaan biodiversiti negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
3 OKTOBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

